

Majlis Anugerah Gemilang Siswa 2008

Oleh ; Fazlina Md. Fadzil



Tanggal 12 April 2009 telah berjaya merakamkan detik indah kepada beberapa mahasiswa/i UniMAP. Tarikh tersebut sudah tentu menjadi kenang-kenangan kepada penerima-penerima anugerah yang telah dipilih hasil kesungguhan dan komitmen tinggi mereka menyumbang kepada kecemerlangan diri dan universiti tercinta. Majlis ini merupakan anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan telah berlangsung di Dewan Kapitool, UniMAP dengan suasana dan konsep yang lebih meriah iaitu "Konsep Kampung dan Tradisional". Seramai 140 orang mahasiswa UniMAP yang berjaya dinobatkan sebagai penerima anugerah pada malam tersebut. Majlis penganugerahan ini bertujuan memberi pengiktirafan dan penghormatan tertinggi kepada mahasiswa yang telah menunjukkan prestasi yang membanggakan serta berjaya mengharumkan nama universiti. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Y. Bhg. Dato' Naib Canselor Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Bin Hussin dan menyampaikan ucapan yang begitu bersemangat yang dirasakan mampu merangsang mahasiswa untuk berusaha mencipta kecemerlangan diri di masa-masa mendatang dalam pelbagai bidang. Antara petikan ucapan beliau, UniMAP sedaya upaya ingin melahirkan mahasiswa yang mempunyai sifat kepimpinan sejati dan sentiasa berupaya meningkatkan potensi diri dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah demi menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan Negara pada masa akan datang. Beliau seterusnya berkata, penglibatan mahasiswa dalam kemajuan ilmu dan pembangunan sahsiah, dapat mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan bertamadun tinggi dengan nilai dan sifat sendiri yang mapan. Malahan dalam ucapan beliau turut menyentuh dan memberi sokongan padu terhadap hasrat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak untuk menjayakan "Satu Malaysia" atau "One Malaysia". Beliau mengatakan adalah menjadi misi kita kini, untuk melahirkan mahasiswa yang berdaya maju dalam penerokaan ilmu, kecemerlangan sahsiah dan mempunyai semangat perpaduan yang tinggi selaras dengan harapan beliau untuk menjadikan UniMAP sebagai Juara Perpaduan. Anugerah - anugerah yang disampaikan pada malam itu terdiri daripada pelbagai

kategori iaitu Anugerah Sukan, Anugerah Kebudayaan, Anugerah Akademik Cemerlang, Anugerah Kepimpinan Gemilang, Anugerah Budi Gemilang, Anugerah Versatile, Anugerah Pendebat Terbaik, Anugerah Inovasi Cemerlang, Anugerah Khas Antarabangsa, Anugerah Kelab/ Persatuan Terbaik, Anugerah Pasukan Beruniform Terbaik, Anugerah Penganjuran Program Rakan Pendamping Siswa Terbaik, Anugerah Penganjuran Program Terbaik dan Anugerah Tokoh Terbilang Siswa. Pada majlis tersebut, Y. Bhg. Dato' Naib Canselor telah menyampaikan hadiah kepada penerima anugerah utama bagi Kategori Tokoh Siswa Terbilang yang mana dinobatkan kepada Saudara Mohd Alwie Mohd Syaiful Yapp, mantan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2007 & 2008. Mohd Alwie menerima piala pusingan, wang tunai RM1,000.00, jam tangan, plak iringan dan sijil penghargaan. Majlis turut dimeriahkan lagi dengan persembahan kebudayaan dari mahasiswa UniMAP dan artis jemputan iaitu Akma AF3.

"UniMAP sedaya upaya ingin melahirkan mahasiswa yang mempunyai sifat kepimpinan sejati dan sentiasa berupaya meningkatkan potensi diri dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah demi menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan Negara pada masa akan datang" - Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Bin Hussin Naib Canselor UniMAP